



KENYATAAN AKHBAR PENGARAH KESIHATAN NEGERI SARAWAK

SITUASI BERKAITAN *GOVERNMENT MISREPRESENTING DATA AND CURRENT COVID-19 SITUATION – BURNT OUT SIBU HOSPITAL DOCTOR*

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin merujuk kepada isu yang tular di sebuah laman media pada 29 September 2021 berkaitan “*Government Misrepresenting Data And Current COVID-19 Situation – Burnt Out Sibu Hospital Doctor*”. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin memberikan penjelasan berhubung dengan isu yang dibangkitkan seperti berikut.

Isu Manipulasi Data

Berkenaan kadar penggunaan katil di Hospital Sibu belum mencapai **100 peratus** disebabkan manipulasi denominasi kapasiti katil adalah **TIDAK BENAR**. Semasa tempoh berlakunya peningkatan kemasukan kes COVID-19 yang tinggi, pihak pengurusan hospital telah pun menambahkan bilangan katil bagi rawatan pesakit COVID-19 mengikut keperluan semasa berdasarkan tempoh tersebut. Walaupun terdapat penambahan katil, kadar penggunaan bulanan (*bed occupancy rate / BOR*) tetap melebihi 100 peratus. Pengurangan bilangan katil COVID-19 semasa pandemik adalah rendah. Perolehan data tersebut adalah dinamik iaitu berlaku penambahan dan pengurangan bilangan katil bagi rawatan COVID-19 mengikut keperluan semasa, maka, denominator jumlah kapasiti katil turut akan berubah dari semasa ke semasa. Bagi September 2021, purata kemasukan pesakit ke Wad COVID-19 dalam sehari adalah 89 pesakit dan purata discaj dalam sehari adalah 118 pesakit. Setakat 30 September 2021, sebanyak 275 kes aktif sedang dirawat di Wad COVID-19 Hospital Sibu termasuk 147 pesakit COVID-19 kategori

3, 4 dan 5. Jumlah keseluruhan katil di Hospital Sibul adalah 642 katil dan masih terdapat kekosongan bagi 157 katil bagi menampung pesakit baharu.

Isu Kekurangan Sumber Manusia

Mobilisasi petugas secara dalaman telah dilaksanakan dengan menggunakan petugas hospital sedia ada bagi penyediaan perkhidmatan di Pusat Kuarantin Dan Rawatan Berisiko Rendah COVID-19 (PKRC), wad COVID-19 baharu, penyediaan perkhidmatan perubatan bagi pesakit bukan COVID-19, Klinik Pakar dan Program Pemberian Imunisasi COVID-19. Bagi menyokong sumber manusia sedia ada, seramai 52 Jururawat Terlatih Kontrak telah ditempatkan bersama 10 Pegawai Perubatan dari Semenanjung Malaysia yang akan dimobilisasi ke Hospital Sibul pada 5 Oktober 2021 sehingga 24 Disember 2021.

Isu Kekurangan Aset

Penambahan fasiliti kesihatan seperti PKRC, wad COVID-19 dan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) baharu telah memberikan penambahan keperluan aset bagi pengoperasian di Hospital Sibul. Secara keseluruhan bagi tahun 2021, Hospital Sibul telah menerima peruntukan pembelian aset sebanyak RM9.4 juta daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tujuan melengkapkan kemudahan di Wad ICU, Wad COVID-19 dan PKRC agar rawatan pesakit COVID-19 sentiasa terjamin. Ini termasuk 5 *oxygen concentrator* dan 26 *ventilator* daripada KKM. Tambahan, Hospital Sibul telah menerima beberapa peralatan sumbangan, iaitu 9 *ventilator* daripada Pharmaniaga, 8 *ventilator* daripada Yayasan Petronas, 4 *ventilator* daripada Kerajaan Negara China, 1 *ventilator* daripada Kerajaan Negara Brunei Darussalam, 5 *oxygen concentrator* dan 5 *BIPAP* daripada Temasek Foundation International.

Isu Penangguhan Kes Pembedahan Elektif Bagi Kes Bukan COVID-19

Bagi kes pembedahan elektif yang tertangguh, pihak pengurusan hospital telah melaksanakan kaedah secara penyumberluaran dengan menghantar pesakit ke hospital swasta di SibU. Setakat ini, peruntukan sebanyak RM2.3 juta telah digunakan bagi pelaksanaan penyumberluaran sejumlah 832 kes melibatkan kes-kes Ortopedik, Pembedahan Am, Oftalmologi, Otorinolaringologi, Obstetrik dan Ginekologi serta Radiologi. Malah, Hospital SibU baru sahaja menerima peruntukan tambahan sebanyak RM600,000.00 pada 27 September 2021 bagi tujuan penyumberluaran dalam usaha mengurangkan beban menguruskan pesakit bukan COVID di Hospital SibU.

Isu Kakitangan Hospital Yang Dijangkiti COVID-19

Berdasarkan laporan siasatan pihak pengurusan Hospital SibU, majoriti 53 kes aktif COVID-19 di kalangan petugasnya mendapat jangkitan melalui komuniti. Sebagai langkah pencegahan, pihak pengurusan hospital telah melakukan banyak usaha dan inisiatif untuk memutuskan rantai atau memastikan tiada jangkitan COVID-19 di tempat kerja. Antaranya adalah dengan menghadkan masa penggunaan ruang pantri makan, mewajibkan penggunaan pelindung muka semasa rondaan wad, menekankan amalan pembersihan sendiri (*hand washing*) serta melakukan aktiviti sanitasi secara berkala.

Isu Pembekuan Cuti Rehat Bagi Kakitangan Hospital

Walaupun arahan pembekuan cuti terpaksa dilaksanakan demi kepentingan perkhidmatan, namun, kelonggaran untuk bercuti rehat akan diberikan sekiranya terdapat perkara yang melibatkan kebajikan petugas hospital seperti kes kecemasan melibatkan ahli keluarga seperti urusan perubatan dan kematian. Malah, cuti rehat turut dipertimbangkan kepada petugas yang mengalami masalah kepenatan atau kelesuan dan kurang sihat bagi menjamin kebajikan mereka.

Isu Bekalan Gas Oksigen Yang Tidak Mencukupi

Untuk makluman, Hospital Sibu dilengkapi dengan sistem *VIE* yang berkapasiti 20,000 liter oksigen yang mampu membekalkan keperluan oksigen ke wad-wad di Hospital Sibu. Di samping itu, Hospital Sibu mempunyai 296 silinder oksigen dan 76 silinder oksigen sewaan serta bakal menerima 40 silinder oksigen tambahan bersaiz besar yang dibekalkan oleh pihak KKM.

Bagi menjamin kualiti penjagaan pesakit dan peningkatan kapasiti katil pesakit, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak sedang dalam usaha untuk mewujudkan perkhidmatan Hospital Medan di Hospital Sibu yang secara tidak langsung akan memberi ruang kepada pesakit untuk dirawat dengan lebih selesa. Jabatan ini akan sentiasa memastikan Hospital Sibu mampu mempertingkatkan mutu perkhidmatannya dari semasa ke semasa termasuk menambah baik kualiti penjagaan perubatan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR MOHAMED SAPIAN BIN MOHAMED DIMP.SMP

Pengarah
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

30 September 2021